

SULIT

3755/1

Pentaksiran Sumatif 3
Sijil Pelajaran Malaysia
Perdagangan
2013
Kertas 1
1 ¼ jam

PENTAKSIRAN SUMATIF 3 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dibiayai oleh:

Kerajaan Negeri Terengganu

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-66 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan keperluan?
 - A. Tuntutan semulajadi manusia
 - B. Dipenuhi supaya hidup lebih selesa
 - C. Berbeza mengikut taraf hidup
 - D. Sukar dipenuhi dan tidak terhad
2. Aktiviti manakah yang terlibat dalam industri pembinaan?
 - A. Pemasangan kapal terbang
 - B. Penghasilan papan lapis
 - C. Pengeluaran komponen kereta
 - D. Pembuatan batu bata
3. Apakah perhubungan antara perdagangan dengan keperluan manusia?
 - A. Perdagangan menentukan keperluan manusia
 - B. Perdagangan ialah sebahagian daripada keperluan manusia
 - C. Perdagangan wujud melalui usaha manusia memenuhi keperluannya
 - D. Perdagangan menghasilkan barangan untuk memenuhi keperluan manusia
4. Gambar 1 berkaitan dengan Pakcik Fikri, seorang penoreh getah.



Gambar 1

Berdasarkan gambar 1, apakah jenis pengkhususan yang dilakukan oleh Pakcik Fikri?

- A. Pengkhususan mengikut kawasan dan proses
- B. Pengkhususan mengikut proses dan profesyen
- C. Pengkhususan mengikut kawasan dan profesyen
- D. Pengkhususan mengikut proses dan antarabangsa

5. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan bagi perniagaan runcit secara kecil-kecilan?
- A. Keuntungan selalunya besar
 - B. Mempunyai banyak peluang untuk berkembang
 - C. Tidak mengalami kerugian kerana dikawal sendiri
 - D. Boleh ditubuhkan berdekatan pelanggan
6. Antara berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri koperasi runcit?
- I. Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993
 - II. Ditadbir oleh Lembaga Pengarah
 - III. Penubuhannya adalah mudah
 - IV. Keuntungan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
7. Situasi manakah yang melibatkan bantuan perniagaan?
- A. Puan Hairani menghasilkan kerepek daripada ubi kayu
 - B. Cik Nurul mengajar di sebuah sekolah tadika
 - C. Encik Ismail menghantar keluarannya ke kedai-kedai
 - D. Pak Awang menanam padi dua kali setahun

8. Syarikat Akram Berhad mengeluarkan invois kepada Syarikat Ikram Sendirian Berhad dengan syarat berikut:

Serahan : Angkutan dibayar

Syarat : 5% 10 hari, 2% 30 hari

Siapakah yang bertanggung jawab menanggung kos pengangkutan?

- A. Syarikat Akram Berhad
- B. Syarikat Ikram Sendirian Berhad
- C. Belanja angkutan tidak perlu dibayar
- D. Syarikat Akram Berhad dan Syarikat Ikram Sendirian Berhad

9. Antara berikut, maklumat yang manakah tidak benar tentang sewa beli?
- A. Penjual boleh merampas balik barang daripada pembeli tanpa notis
 - B. Barang menjadi milik pembeli setelah semua ansuran dijelaskan
 - C. Pembeli boleh menebus balik barang yang ditarik balik oleh penjual asalkan baki hutang dijelaskan
 - D. Perjanjian bertulis yang menyatakan syarat bayaran, harga belian dan bilangan ansuran yang dibenarkan
10. Berikut adalah maklumat mengenai dokumen perniagaan.

Merekod tentang kerosakan barang yang diangkut
--

Namakan dokumen di atas.

- A. Inden terbuka
 - B. Nota perkapalan
 - C. Bil muatan kotor
 - D. Bil muatan bersih
11. Antara berikut, yang manakah merupakan import tak nyata bagi Malaysia?
- I. Hasil tenusu diimport dari New Zealand.
 - II. Pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Jordan
 - III. Petronas Berhad mendapat khidmat kepakaran kejuruteraan dari Iran
 - IV. Jururawat Malaysia berkhidmat di Arab Saudi.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

12.

Perabot Lasak Jati Sendirian Berhad	
Bilangan pekerja tetap	- 80 orang
Perolehan tahunan	- RM 20 juta
Modal	- RM 2 juta

Berdasarkan maklumat di atas, kilang tersebut dianggap sebagai

- A. Industri berat
- B. Industri ringan
- C. Industri Kecil dan Sederhana
- D. Industri keluaran tempatan

13. Produk berikut dihasilkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

- * kusyen kereta
- * bateri kereta
- * ekzos kereta
- * stering kereta

Bidang Industri Kecil dan Sederhana yang manakah menghasilkan produk tersebut?

- A. Industri komponen automotif
- B. Industri berasaskan plastik
- C. Industri berasaskan logam
- D. Industri komponen elektrik

14. Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan pemilihan lokasi perniagaan?

- I. Kos sewa
 - II. Kemudahan infrastruktur yang cukup
 - III. Berhampiran dengan pembekal
 - IV. Kadar upah tempatan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

15. Kelebihan Syarikat Ilham Sendirian Berhad berbanding Syarikat Awana Berhad ialah
- A. Syarikat Awana Berhad tidak terikat dengan banyak syarat dan peraturan berbanding Syarikat Ilham Sendirian Berhad
 - B. Ahli lembaga pengarah Syarikat Awana Berhad tidak semestinya pemegang syer
 - C. Keuntungan Syarikat Ilham Sendirian Berhad dikecualikan cukai pendapatan
 - D. Kedudukan kewangan Syarikat Ilham Sendirian Berhad tidak perlu diumumkan kepada orang ramai.
16. Peniaga perlu menyimpan stok yang bersesuaian untuk dijual kepada pelanggan. Stok yang berlebihan akan menyebabkan
- I. Modal terikat pada stok
 - II. Stok mungkin menjadi lapuk
 - III. Ruang menjadi sesak
 - IV. Menjejaskan imej peniaga kerana bekalan terputus
- A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
17. Puan Julia dan Encik Johari adalah pekongsi bagi perniagaan Perusahaan JuJo Bersaudara bersetuju membahagi keuntungan mengikut nisbah 2:1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, Puan Julia menerima bahagian keuntungan sebanyak RM50 000. Berapakah keuntungan yang diperoleh oleh Perusahaan JuJo Bersaudara pada tahun itu?
- A. RM 25 000
 - B. RM 50 000
 - C. RM 75 000
 - D. RM 100 000
18. X → Syer tambahan yang diberi secara percuma kepada pemegang syer oleh Syarikat Berhad
- X merujuk kepada
- A. Dividen
 - B. Saham biasa
 - C. Saham keutamaan
 - D. Syer bonus

19. Encik Rodzi membeli 2000 unit syer Syarikat Ketapang.Com Berhad pada harga RM2. Pada tahun pertama syarikat membayar dividen 10% dan tahun kedua dividen diberi 5%. Pada awal tahun ketiga syer tersebut dijual pada harga RM3 sesyer.

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah pendapatan semasa yang diterima oleh Encik Rodzi?

- A. RM 400
 - B. RM 500
 - C. RM 600
 - D. RM 700
20. Antara berikut, yang manakah benar tentang remiser?
- I. Menjadi ahli Bursa Saham
 - II. Kontrak belian dibuat atas namanya
 - III. Wakil kepada broker
 - IV. Menerima pesanan belian dan jualan syer daripada pelabur
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
21. Gambar 2 di bawah menunjukkan sejenis kenderaan.



Gambar 2

Jika Encik Zaki ingin mendapatkan pembiayaan bernilai RM 350,000 bagi membeli kenderaan di atas, syarikat manakah yang paling sesuai membiayai pembelian tersebut?

- A. Syarikat pemfaktoran
B. Syarikat kewangan
C. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia
D. Syarikat pajakan
22. Encik Aiman telah menerima sekeping cek bernilai RM8,500 tetapi cek tersebut mempunyai palang dipenjuru kiri dengan perkataan "Tidak Boleh Niaga" di dalamnya.
Apakah kesan cek tersebut kepada Encik Aiman?
- I. Encik Aiman perlu memasukkan cek tersebut dalam akaunnya
II. Encik Aiman tidak boleh pindah milik cek tersebut kepada pihak lain
III. Encik Aiman boleh menunaikan cek tersebut di kaunter bank
IV. Encik Aiman mempunyai hak yang sah terhadap cek tersebut
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
23. Prinsip ini memerlukan insured melengkapkan borang dengan betul dan tepat. Jika berlaku sebarang penipuan, ganti rugi tidak akan dibayar apabila insured ditimpa risiko.
Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?
- A. Kepentingan boleh insurans
B. Sumbangan
C. Penuh percaya mutlak
D. Subrogasi
24. Antara yang berikut, unsur manakah yang dibenarkan dalam prinsip takaful?
- I. Maisir
II. Gharar
III. Subrogasi
IV. Sumbangan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV


25. Rajah 1 di bawah menunjukkan peta laluan mengangkut produk berasaskan gamat dari Pulau Langkawi ke Pelabuhan Klang.



Rajah 1

Apakah jenis kapal yang sesuai digunakan untuk mengangkut produk tersebut?

- A. Kapal kontena
 - B. Kapal kargo
 - C. Kapal kerentan
 - D. Kapal pesisir pantai
26. Gambar 3 di bawah menunjukkan barang mudah pecah.



Gambar 3

Mengapakah barang tersebut sesuai diangkut menggunakan perkhidmatan jalan raya?

- A. Tambang lebih murah
- B. Penghantaran lebih cepat
- C. Serahan dari pintu ke pintu
- D. Jadual perjalanan boleh diubah

27. Apakah perkhidmatan yang diperlukan oleh industri hotel bagi tujuan pengesahan kad kredit pelanggan?
- A. Mel elektronik
 - B. Telefaks
 - C. Panggilan tanpa tol
 - D. MAYPAC
28. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan jenis komunikasi?
- I. Nilai barang yang perlu dihantar
 - II. Kemudahan yang boleh digunakan
 - III. Jenis maklumat sama ada lisan atau grafik
 - IV. Jarak komunikasi pengirim dengan penerima
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
29. Pernyataan berikut berkaitan dengan peranan pergudangan.


Pengeluaran padi adalah bermusim dan pengeluaran ini akan menentukan bekalan beras kepada pengguna. Dengan itu pergudangan sangat penting dalam keadaan ini

- Antara berikut, yang manakah peranan gudang yang bersesuaian dengan pernyataan di atas?
- A. Membantu menstabilkan harga
 - B. Menjamin bekalan berterusan
 - C. Membolehkan aktiviti pecah pukat
 - D. Membantu perniagaan antarabangsa

30. Antara agensi kerajaan berikut, yang manakah mempunyai gudang sendiri?

- I. FAMA
- II. LKIM
- III. SMIDEC
- IV. BERNAS
- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

31. Rajah 2 menunjukkan carta di bawah menunjukkan strategi campuran pemasaran.



Rajah 2

X ialah

- A. Promosi
- B. Promosi jualan
- C. Publisiti
- D. Jualan langsung

32.

KEDAI JAHIT HAJI MAT
BAZAR MARA KUALA TERENGGANU
Sedia menerima tempahan Tel: 018-5656745

Nyatakan jenis iklan yang sesuai digunakan oleh pemilik kedai di atas

- A. Papan tanda
- B. Katalog
- C. Suratkhobar
- D. Internet

33 Keluaran berikut tidak boleh disiarkan melalui media elektronik

- I. Minuman Keras Ancur
 - II. Peguambela dan Peguamcara Rozie
 - III. Sekolah Memandu Murni
 - IV. Kosmetik Simply Cidi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

34 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengiklanan.

*Apabila Si Manja menyebut
"Mama" buat kali pertama
ada yang lebih utama yang
memungkinkan ia terjadi*

Berikan permulaan yang tepat
Buat Si Manja dengan
Makanan Pejal Pertamaku daripada

HONEY CARE

Apakah gaya tarikan di dalam iklan tersebut?

- A. Pujukan emosi
- B. Pujukan rasional
- C. Pujukan sosial
- D. Pujukan moral

35. Puan Nuriah telah membeli barangan elektrik terpakai. Setelah digunakan selama dua hari, barang tersebut rosak. Beliau cuba membuat tuntutan ganti rugi tetapi ditolak. Mengapakah tuntutan itu ditolak?

- A. Tamat tarikh luput
- B. Nilai barang yang rendah
- C. Tiada jaminan jualan
- D. Kerosakan disebabkan oleh pembeli

36. Maklumat berikut berkaitan dengan seorang pengusaha yang memerlukan perkhidmatan sebuah agensi.

Encik Wahab adalah seorang pengusaha cenderamata daripada kayu getah yang terkenal di Pantai Timur. Beliau bercadang untuk meluaskan pasarannya ke Timur Tengah

Apakah agensi tersebut?

- A. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
 - B. Lembaga Getah Malaysia (MRB)
 - C. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)
 - D. Perbadanan Kemajuan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE)
37. Apakah tujuan kerajaan mengenakan cukai import ke atas kereta buatan negara Korea?
- A. Meningkatkan jualan kereta Korea di Malaysia
 - B. Menggalakkan import kereta Korea ke Malaysia
 - C. Meningkatkan keuntungan pengeluar kereta Korea
 - D. Meningkatkan keuntungan pembuat kereta Malaysia
38. Perbualan berikut antara Iman dengan Alim.

Iman : Wah, banyak buah rambutan di dusun awak musim ini.
Alim : Ya, tapi masalahnya sukar dipasarkan kerana pekan kita kecil dan kurang pelanggan
Iman : Pada pendapat saya ada pihak yang boleh membantu mengatasi masalah awak

Antara berikut, agensi manakah yang dapat membantu Encik Alim?

- A. MARDI
- B. UDA
- C. FAMA
- D. PKEN

39. Apakah tujuan slogan di bawah?

**Pembeli bijak
Pengguna Cakna**

- A. Membeli dengan kuantiti yang banyak
- B. Membeli semasa musim cuti sekolah
- C. Membeli semasa musim perayaan
- D. Membeli dengan rasional

40. Situasi berikut merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh pengguna.

Puan Saudah telah membeli sejenis krim kecantikan kulit berjenama Oil Skin. Setelah menggunakan selama tujuh hari, beliau mendapati kulit mukanya kering dan mengelupas.

Pihak yang manakah boleh membantu Puan Saudah untuk mendapatkan ganti rugi jika peniaga enggan melayan tuntutan?

- A. Tribunal Tuntutan Pengguna
- B. Kementerian Kesihatan
- C. Persatuan Pengeluar
- D. Majlis Pengguna

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

Pentaksiran Sumatif 3
Sijil Pelajaran Malaysia
Perdagangan
2013
Kertas 2
2 jam

3755/2

PENTAKSIRAN SUMATIF 3 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dibiayai oleh:

Kerajaan Negeri Terengganu

Dicetak oleh:


Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-66 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Bahagian A


Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini

1. a) Pengeluaran adalah proses penciptaan nilai faedah.
Gambar 1 di bawah berkaitan dengan suatu proses penciptaan nilai faedah.



Gambar 1

- Apakah maksud nilai faedah? [1 markah]
 - Terangkan tiga proses penciptaan nilai faedah dalam rajah 1 di atas. [6 markah]
- b) Rajah 1 yang berikut berkaitan dengan suatu aktiviti ekonomi.



Rajah 1

- Nyatakan P dan Q. [2 markah]
- Apakah kaitan antara P dan Q dalam Rajah 2 di atas? [6 markah]

- c) Gambar 2 berikut merujuk kepada dua jenis bantuan perniagaan.



Gambar 2

Jelaskan peranan bantuan perniagaan A dan B di atas kepada pemilik pasaraya.

[6 markah]

- d) Gambar 3 menunjukkan dua individu yang terlibat dalam dunia perniagaan.



Gambar 3

- i) Berikan lima sumbangan Puan Siti kepada masyarakat dan negara. [4 markah]

2. a) Gambar rajah 4 menunjukkan seorang tukang gunting menggunting rambut seorang pelanggan.



Gambar 4

- i) Namakan jenis saluran agihan yang terlibat dalam situasi di atas. [1 markah]
 - ii) Terangkan dua sebab saluran tersebut digunakan. [4 markah]
- b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan satu kaedah perniagaan runcit.

Peniaga menggunakan jenama atau tanda perniagaan milik firma induk untuk menjalankan perniagaan.


- i) Apakah perniagaan runcit di atas? [1 markah]
 - ii) Nyatakan dua kelebihan dan dua kelemahan perniagaan di atas kepada peniaga. [4 markah]
- c) Gambar 5 menunjukkan iklan kereta di sebuah kedai kereta. Encik Zuhaidi ingin memiliki kereta seperti dalam iklan tersebut.

Tiada bayaran pendahuluan Kadar faedah 4 % setahun RM 80 000 Tempoh 10 tahun	
---	--

Gambar 5

- i) Nyatakan kaedah jualan di atas. [1 markah]
- ii) Berdasarkan iklan di atas, hitungkan jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Zuhaidi setiap bulan. [5 markah]

- d) Rajah 2 menunjukkan sejenis perniagaan yang dijalankan antara Malaysia dengan Thailand.



Rajah 2

- i) Apakah jenis perniagaan di atas? [3 markah]
- ii) Jelaskan tiga halangan yang wujud dalam perniagaan di 2(c)(i). [6 markah]
3. a) Cik Suhaili telah menerima harta pusaka berjumlah RM20 000. Beliau tidak yakin mengurus wang itu. Setelah diberi nasihat oleh rakan-rakannya, beliau telah melaburkannya dalam unit amanah. Apakah kebaikan yang diperolehi dengan keputusan tersebut? [6 markah]
- b) Seseorang yang mengambil insurans endowment boleh menikmati beberapa faedah yang tidak dinikmati oleh pemegang polisi insurans lain. Terangkan faedah-faedah tersebut. [4 markah]
- c) Ganti rugi dibayar oleh insurer jika insured mengalami kerugian. Dalam keadaan bagaimanakah insurer enggan membayar ganti rugi kepada insured? [5 markah]
- d) Gambar 6 menunjukkan sejenis pengangkutan darat.



Gambar 6

- i) Nyatakan jenis pengangkutan darat tersebut. [1 markah]
- ii) Jelaskan kelebihan pengangkutan di 3(i). [5 markah]
- iii) Mengapakah seorang pengeksport memilih pengangkutan udara untuk menghantar barangan eksportnya? [4 markah]

4. a) Pengerusi Syarikat Setia Sdn. Bhd, Encik Hanif sedang berada di Perlis dan beliau mahu mengadakan mesyuarat tergepar secara serentak dengan beberapa Ahli Lembaga Pengarahnya yang berada di Johor Bahru. Jelaskan perkhidmatan komunikasi yang boleh digunakan oleh Encik Hanif bagi memenuhi tujuan tersebut. [6 markah]

- b) Pernyataan berikut berkaitan dengan Perkhidmatan Pos Malaysia Berhad.

Wang Pos dan Kiriman Wang merupakan perkhidmatan mengirim wang dan membayar hutang yang disediakan oleh Pos Malaysia Berhad.

Nyatakan tiga perbezaan antara wang pos dan kiriman wang.

[6 markah]

- c) Encik Shah menjalankan perniagaan mengimport kereta dari Korea. Kereta-kereta tersebut dikenakan cukai import yang tinggi. Beliau menyimpan kereta-keretanya dalam sebuah gudang tetapi tidak boleh mengeluarkannya selagi cukai tidak dijelaskan.

(i) Kenalpasti gudang yang digunakan oleh Encik Shah.

[1 markah]

(ii) Jelaskan 4 kelebihan gudang tersebut kepada Encik Shah.

[4 markah]

- d) Terangkan mengapa iklan dikatakan memberi banyak faedah kepada pengguna.

[4 markah]

- e) Kejayaan pemasaran bergantung kepada keberkesanan campuran pemasaran. Terangkan dua unsur dalam campuran pemasaran.

[4 markah]

5. a) Gambar 7 di bawah menunjukkan logo bagi dua agensi kerajaan.



Gambar 7

- Jelaskan bagaimana agensi di atas membantu sektor peniagaan. [9 markah]
- c) Terangkan perbezaan antara pengguna dengan konsumerisme. [4 markah]
- d) Hak pengguna hanya dapat diperjuangkan sekiranya setiap pengguna melaksanakan tanggungjawab mereka. [6 markah]
Terangkan tiga tanggungjawab pengguna.
- e) Etika amalan perniagaan merupakan tingkah laku yang menjadi amalan peniaga supaya tindakan mereka tidak menindas hak pengguna dan orang lain. Jelaskan etika penjual kepada
- i) pembekal [3 markah]
- ii) pengguna [3 markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

Dengan modal permulaan sebanyak RM 200,000 Encik Zaki telah berjaya menubuhkan sebuah kilang batik di Bandar Kuala Terengganu. Beliau mengambil penduduk setempat sebagai pekerja sepenuh masa seramai dua puluh orang. Setelah beroperasi selama dua tahun pusingan jualan tahunannya mencapai RM 500,000. Isterinya Puan Emi turut membantu perniagaan suaminya.

Pada tahun berikutnya, jualan tahunannya merosot kepada RM300,00. Ini disebabkan oleh persaingan dengan banyak kilang-kilang batik yang baru dibuka di sekitar bandar Kuala Terengganu dan Marang. Selain dari itu, Encik Zaki juga mempunyai masalah kekurangan modal dan pelbagai masalah lain. Untuk mengatasi masalah kekurangan modal, Puan Emi mencadangkan agar suaminya membuat pinjaman dari Bank Islam Malaysia Berhad.

Usaha gigih yang dilakukan oleh Encik Zaki dan Puan Emi menyebabkan perniagaannya berkembang maju. Batik keluarannya mendapat sambutan ramai. Beliau bukan saja berjaya memasarkan keluarannya ke seluruh negara malah telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti ke Brunei, Singapore dan China. Untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Encik Zaki memerlukan lebih banyak modal. Setelah mendapat nasihat daripada pegawai di Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Encik Zaki telah bersetuju untuk menukarkan bentuk pemilikan perniagaannya kepada perkongsian.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- a) i) Adakah kilang batik Encik Zaki diklasifikasikan sebagai Industri kecil dan Sederhana (IKS)? [1 markah]
ii) Mengapa? [6 markah]
- b) Terangkan apakah masalah-masalah lain yang dihadapi oleh Encik Zaki yang menyebabkan jualan merosot. [4 markah]
- c) Selain daripada kemudahan pembiayaan, Bank Islam juga menyediakan kemudahan menyimpan wang kepada Encik Zaki. Jelaskan jenis-jenis akaun simpanan yang boleh digunakan olehnya. [6 markah]
- d) i) Mengapakah Encik Zaki mengambil keputusan untuk menukarkan jenis pemilikan perniagaannya kepada perkongsian? [4 markah]
iii) Jelaskan dua jenis rakan kongsi yang wujud dalam pemilikan perniagaan perkongsian [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN SUMATIF 3
TAHUN 2013
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PERDAGANGAN
3755
September**

SKIMA PEMARKAHAN

**KERTAS 1
KERTAS 2**

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd
Tel: 609-666 8611/8601 Faks: 609-666 0611/0063

JAWAPAN SOALAN SUMATIF 3 PERDAGANGAN KERTAS 1

NO	JAWAPAN	NO	
1	A	21	B
2	A	22	B
3	C	23	C
4	C	24	D
5	D	25	D
6	D	26	C
7	C	27	D
8	A	28	D
9	A	29	B
10	C	30	B
11	B	31	A
12	C	32	A
13	A	33	A
14	A	34	A
15	D	35	C
16	A	36	B
17	C	37	D
18	D	38	C
19	C	39	D
20	D	40	A

JAWAPAN SOALAN SUMATIF 3 PERDAGANGAN KERTAS 2

SOALAN 1:

SOALAN 1:			Fakta dan Isi jawapan		Markah	
Soalan						
1	a	i	Maksud Nilai Faedah		1	1
			H1	Keupayaan sesuatu barang atau perkhidmatan yang memuaskan keperluan dan kehendak manusia	1	1
		ii	Tiga proses penciptaan nilai faedah			6
			F1	Nilai faedah tempat	1	6
			H1	Memindahkan barang ke tempat yang mempunyai permintaan terhadapnya.	1	
			C1	Buah manggis diangkut ke kilang pemprosesan/contoh yang sesuai	1	
			F2	Nilai faedah bentuk	1	
			H2	Mengubah bentuk sesuatu keluaran kepada lebih berguna	1	
			C3	Buah manggis menjadi jem manggis	1	
			F3	Nilai faedah masa	1	
			H3	Menyimpan barang sehingga ia diperlukan	1	
			C3	Jem berlebihan di simpan dan dibekalkan sehingga ada permintaan/cth	1	
			F4	Nilai faedah milikan	1	
			H4	Pertukaran milik daripada seseorang kepada orang lain yang memerlukan	1	
			C4	Pemborong kepada peruncit / pasaraya TESCO	1	
			• Terima mana-mana 3 nilai faedah			
	b		Nyatakan P dan Q			
		i)	F1	P - Perdagangan	1	6
			H1	Q – Perniagaan	1	
		ii)	Kaitan P dan Q			
			Maksud perdagangan			
			H1	Perdagangan bermaksud aktiviti / kegiatan pengagihan barang-barang dan perkhidmatan	1	
			H2	Daripada pengeluaran kepada pengguna akhir	1	
			H3	keluaran itu mestilah diagihkan pada masa yang tepat pada kuantiti yang dikehendaki pada harga yang sesuai dan di mana ia diperlu	1	
			H4	Cabang kepada pengeluaran	1	
			MAKSUD PERNIAGAAN			
			H5	segala aktiviti yang melibatkan jualan dan belian / pindah milik barang-barang dan perkhidmatan / barangan	1	
			H6	bertujuan untuk mendapatkan keuntungan	1	
			H7	terbahagi kepada perniagaan antarabangsa dan dalam negeri	1	
			H8	perniagaan antarabangsa – import dan eksport, entreport dalam negeri- borong dan runcit	1	
			H9	Cabang kepada perdagangan	1	

c		Peranan Bantuan Perniagaan			6
		H1	- Gambar 1- Komunikasi - membantu membuat pesanan / membantu menyebarkan / menerima/ menyampaikan maklumat / menghantar dokumen kepada pembekal membantu menerima pesanan / dokumen daripada peruncit	1	3m
		H2	- urusi niaga dapat dijalankan dengan cepat / mudah	1	
		H3	- melalui telefak	1	
		H4	- Membolehkan pengagihan dijalankan tepat pada masanya	1	
		H5	- Memudahkan promosi / meluaskan pasaran	1	
		H6	- Gambar 2 - Promosi - memperkenalkan keluaran baru / untuk mewujudkan permintaan / mempengaruhi pengguna	1	3m
		H7	- untuk meluaskan pasaran / meningkatkan jualan / meningkatkan untung	1	
		H8	- bersaing dengan jenama lain menggalakkan	1	
		H9	- dapat mengurangkan kos per unit	1	
		H10	- --contoh promosi- iklan / promosi jualan	1	
d	i	Sumbangan Usahawan kepada masyarakat dan negara			4
		H1	Kepada Masyarakat mewujudkan peluang pekerjaan	1	2m
		H2	memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat	1	
		H3	meningkatkan taraf hidup masyarakat		
		H4	Negara menyumbangkan terhadap pembangunan ekonomi	1	2m
		H5	pendapatan meningkat	1	
		H6	penemuan dan ciptaan baru / mengharumkan nama negara hasil penyelidikan	1	

SOALAN 2:

Soalan			Fakta dan Isi jawapan		Markah	
2	a	i	Jenis saluran agihan			
			Pengeluar → Pengguna.		1	1
		ii	Dua sebab saluran tersebut digunakan			
		F1	Sejenis perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan seperti mengunting rambut menepati sasaran pasaran mengikut cita rasa pelanggan		1	4
		H1			1	
		F2			1	
		H2			1	
	b	i	Jenis perniagaan runcit - Francais			1
		ii	Kelebihan kepada peniaga Peniaga dapat memulakan perniagaan dengan segera kerana dibantu oleh firma induk Dapat menikmati ekonomi bidangan Menerima khidmat nasihat, kepakaran dari francaisor Kelemahan kepada peniaga Terikat dengan peraturan yang ditetapkan oleh francaisor Perlu membayar yuran royalty, yuran dan kos-kos lain Perlu menghadiri kursus		1	4
		H1			1	
		H2			1	
		H3			1	
		H4			1	
		H5			1	
		H6			1	
	c	i	Sewabeli		1	1
		ii	Jumlah yang perlu dibayar			
		F1	Faedah yang dikenakan = $4/100 \times 80\,000 \times 10$ = RM 32 000		1	5
		H1			1	
		F2	Jumlah keseluruhan = RM 80 000 + RM 32 000 = RM 112 000		1	
		H2				
		F3	Ansuran bulanan = RM 112 000/120 = RM 933.33		1	
		H3			1	
	d	i	Perniagaan Antarabangsa			
			- perniagaan yang berlaku antara penduduk sesebuah negara dengan negara lain / melintasi sempadan - melibatkan kegiatan mengimport, mengeksport dan entreport - melibatkan wang asing - Malaysia mengim[port kereta dari Jepun		1	3
					1	
					1	
					1	
					1	

	ii	Jelaskan tiga halangan yang wujud dalam perniagaan		6
	F1	- Masalah komunikasi / bahasa	1	
	H1	- Kerana berlainan bahasa	1	
	F2	- Perbezaan kebudayaan	1	
	H2	- Sukar memahami kehendak / citarasa	1	
	F3	- Penggunaan unit sukatan dan timbang yang berlainan	1	
	H3	- Seperti sukatan panjang , berat , isipadu dan lain-lain / contoh	1	
	F4	- Masalah pertukaran mata wang asing	1	
	H4	- Kerana kadar yang berubah-ubah	1	
	F5	- Masalah pengangkutan – jarak jauh / kos /jenis	1	
	H5	- Risiko kerosakan dan kehilangan tinggi / kos insurans juga tinggi	1	
	F6	- Kesukaran mendapatkan bayaran	1	
	H6	- Kerana perniagaan dijalankan melalui ejen / contoh pembayaran lain	1	
	F7	- Menghalang perniagaan secara bebas / lancar		
	H7	- Kerana ideologi / peraturan kastam / kuota / tarif berbeza dokumen berbeza / bayar duti import		
		Terima mana-mana 3 fakta dan 3 huraian		6

SOALAN 3:

Soalan			Fakta dan Isi jawapan	Markah	
3	a	i	Kebaikan yang diperolehi/ unit amanah		Mak
			Kebaikan menyimpan dalam unit amanah:		1
		H1	la diuruskan oleh pengurus dana sepenuh masa	1	
		H2	mempunyai risiko yang rendah	1	
		H3	sesuai untuk pelabur yang mempunyai sumber kewangan kecil	1	
		H4	sesuai untuk orang yang sibuk/tidak ada masa untuk pilih saham	1	
		H5	menerima keuntungan modal dan pendapatan dalam bentuk dividen mudah tunai	1	
	b		Faedah polisi insurans endowmen		4
			Faedah insurans endowmen:	1	
		H1	Bayar premium untuk tempoh tertentu	1	
		H2	Insured akan mendapat wang dan bonus pada tarikh matang	1	
		H3	Jika insured meninggal sebelum polisi matang, pampasan dibayar pada waris	1	
		H4	Satu cara menabung	1	
	c		Ganti rugi dibayar oleh insurer jika insured mengalami kerugian. Dalam keadaan bagaimanakah insurer enggan membayar pampasan kepada insured?		4
			Alasan Insurer enggan membayar pampasan :	1	
		H1	- terlibat dengan jenis risiko yang tidak boleh diinsuranskan.	1	
		H2	-tidak mematuhi prinsip kepentingan boleh insuran	1	
		H3	-tidak memenuhi prinsip penuh percaya mutlak	1	
		H4	-menuntut gantirugi melebihi kerugian sebenar yang dialami.	1	
		H5	-menuntut gantirugi akibat kehilangan nyawa/kecacatan	1	
		H6	-kerugian dialami berpunca daripada risiko yang dikecualikan dalam insurans.	1	
		H7	-tidak membuat laporan kepada polis/bomba jika berlaku risiko	1	
		H8	-tidak melapor kepada syarikat insurans	1	
		H9	-dokumen dalam borang tuntutan tidak lengkap kepada insurer	1	
	d	i	Nyatakan jenis pengangkutan darat tersebut.		1
		ii	Jelaskan kelebihan pengangkutan di 3(i).		5
		iii	Mengapakah seorang pengeksport memilih pengangkutan udara untuk menghantar barangan eksportnya?		4
		i	Jenis pengangkutan:		
			- pengangkutan rel	1	
		ii	Kelebihan pengangkutan rel		
		H1	- kadar tambang murah untuk perjalanan jauh	1	
		H2	- ruang muatan yang luas	1	
		H3	- lebih pantas bagi jarak jauh	1	
		H4	- mempunyai gerabak khas / kontena	1	
		H5	- boleh membawa barang berat/pukal	1	
		H6	- Risiko kemalangan rendah	1	

	iii	Kelebihan pengangkutan udara:		
	F1	- Sesuai bawa barang mahal /Kristal/ ringan	1	
	H1	- kerana kadar tambang tidak dipengaruhi oleh nilai barang	1	
	F2	- Sesuai bawa barang yang diperlukan segera	1	
	H2	- yang memerlukan pengangkutan yang cepat / pantas	1	
	F3	- Sesuai bawa barang yang tidak tahan lama	1	
	H3	- untuk menjamin agar barang segar dan baik	1	
	F4	- Sesuai hubungi kawasan pendalaman – gunakan helicopter	1	
	H4	- Barang lebih selamat sebab kawalan keselamatan ketat/ risiko kecurian kurang	1	
	F5	- Kos pergudangan rendah	1	
	H5	- sebab barang segera dihantar	1	
	F6	- Ada kemudahan kontenarisasi	1	
	H6	- mencepatkan urusan kastam	1	
				4

SOALAN 4:

Soalan			Fakta dan Isi jawapan		Markah									
4	a	i				Mak								
		a		Jelaskan perkhidmatan komunikasi yang boleh digunakan oleh Encik Hanif bagi memenuhi tujuan tersebut.		6								
			H1	Video Conferencing / Sidang Video	1	6								
			H2	- membolehkan dua atau lebih pihak berkomunikasi / Encik Hanif dengan ALP	1									
			H3	- melalui audio (apa yang didengar / suara)	1									
			H4	- dan visual secara langsung	1									
			H5	- kedua pihak memerlukan kelengkapan audio – video / studio	1									
			H6	- perkhidmatan disediakan oleh STMB	1									
			H7	- caj asas melalui bil telefon	1									
			H8	- berguna kepada ahli perniagaan yang tidak berada pada tempat yang sama untuk berbincang / bermesyuarat	1									
				- kebaikan : menjimatkan masa/ menjimatkan kos tambang/ boleh mempromosikan keluaran baru/										
	b		Nyatakan tiga perbezaan antara wang pos dan kiriman wang			6								
				<table><tr><th>Wang Pos</th><th>Kiriman Wang</th></tr><tr><td>1.Minima RM1 dan maksima RM100</td><td>1. Tiada had minima dan maksima RM10 000</td></tr><tr><td>2.Tidak perlu isi borang</td><td>2. Perlu isi borang terlebih dahulu</td></tr><tr><td>3.Tempoh laku 6 bulan</td><td>3. Tempoh laku 3 bulan.</td></tr></table>	Wang Pos	Kiriman Wang	1.Minima RM1 dan maksima RM100	1. Tiada had minima dan maksima RM10 000	2.Tidak perlu isi borang	2. Perlu isi borang terlebih dahulu	3.Tempoh laku 6 bulan	3. Tempoh laku 3 bulan.	2 2 2	6
Wang Pos	Kiriman Wang													
1.Minima RM1 dan maksima RM100	1. Tiada had minima dan maksima RM10 000													
2.Tidak perlu isi borang	2. Perlu isi borang terlebih dahulu													
3.Tempoh laku 6 bulan	3. Tempoh laku 3 bulan.													
	c	i	Kenalpasti gudang yang digunakan oleh Encik Shah.			1								
		ii	Jelaskan 4 kelebihan gudang tersebut kepada Encik Shah.			4								
				Gudang berbon	1	1								
			H1	- digunakan untuk menyimpan barang yang bercukai yang cukainya	1	4								
			H2	belum dibayar dikawal oleh kastam / kerajaan	1									
			H3	- barang tidak boleh dikeluarkan sehingga cukainya dijelaskan	1									
			H4	- barang di dalam gudang boleh diproses / pecah pukal	1									
			H5	- barang boleh dicagar atau dijual semasa dalam gudang	1									
				- mengurangkan modal kerja terikat	1									
	d	i	Terangkan mengapa iklan dikatakan memberi banyak faedah kepada pengguna			4								
			H1	- memberi maklumat / memperkenalkan	1	4								
			H2	- menyedarkan pelanggan tentang kewujudan sesuatu barang /barang baru perkhidmatan	1									
			H3	- mendidik orang ramai menjadi pengguna yang baik	1									
			H4	- maklumat daripada promosi memberi pengetahuan / menjadi lebih bijak memilih	1									

e		Kejayaan pemasaran bergantung kepada keberkesanan campuran pemasaran. Terangkan dua unsur dalam campuran pemasaran..		4
		F1 - Keluaran H1 - Berkualiti/ menepati cita rasa pengguna F2 - Harga H2 - Berpatutan/berdasarkan kos pengeluaran F3 - Promosi H3 - Spt pengiklanan F4 - Agihan H4 - Diagihkan tepat pada masa ke tempat yang diperlukan	1 1 1 1 1 1 1 1	
		Terima mana 2F dan 2H		4

SOALAN 5:

SOALAN 5:			Fakta dan Isi jawapan		Markah							
Soalan												
5	a	i	Jelaskan bagaimana agensi di atas membantu sektor peniagaan. [9 markah]			Mak						
			H1	MARA Memberi kemudahan pinjaman	1	3						
			H2	Memberi latihan secara profesional dan separa profesional	1							
			H3	Memberi bantuan dan strategi pengurusan perniagaan	1							
			H4	Memberi kemudahan infrastruktur dan ruang niaga	1							
			H5	Memberi khidmat nasihat	1							
		ii	H1	MARDI Menjalankan penyelidikan dalam bidang pertanian	1	3						
			H2	Penyelidikan untuk mencari benih tanaman yang mengeluarkan hasil yang lebih baik dan bermutu	1							
			H3		1							
			H4	Menjalankan penyelidikan mengenai penyediaan dan pembungkusan makanan	1							
		ii	H1	FAMA Memberi tunjuk ajar/ latihan dan pengurusan	1	3						
			H2	Membantu dan memperbaiki sistem pemasaran supaya lebih cekap	1							
			H3	Mengadakan promosi dan kempen penggunaan hasil keluaran	1							
			H4	Membantu menstabilkan harga/ mewujudkan harga yang berpatutan bagi produk pertanian	1							
	b		Terangkan perbezaan antara pengguna dengan konsumerisme.			4						
			<table><tr><th>konsumerisme.</th><th>pengguna</th></tr><tr><td>1. Satu usaha bagi menyedarkan pengguna tentang hak mereka</td><td>2. orang yang menggunakan barang atau perkhidmatan</td></tr><tr><td>3. Matlamat bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna</td><td>2. untuk penuhi keperluan dan kehendak</td></tr></table>		konsumerisme.	pengguna	1. Satu usaha bagi menyedarkan pengguna tentang hak mereka	2. orang yang menggunakan barang atau perkhidmatan	3. Matlamat bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna	2. untuk penuhi keperluan dan kehendak	2	4
konsumerisme.	pengguna											
1. Satu usaha bagi menyedarkan pengguna tentang hak mereka	2. orang yang menggunakan barang atau perkhidmatan											
3. Matlamat bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna	2. untuk penuhi keperluan dan kehendak											
				2								

c		Hak pengguna hanya dapat diperjuangkan sekiranya setiap pengguna melaksanakan tanggungjawab mereka. Terangkan tiga tanggungjawab pengguna.		6
		F1 - Kesedaran mengkritik H1 - boleh membuat aduan H2 - Supaya setiap penyalahgunaan/ penyelewengan terhadap hak-hak pengguna F2 H3 - Penglibatan dan tidakan H4 - Bergiat secara aktif dalam persatuan pengguna / khidmat sosial - Supaya pendapat/ cadangan/ masalah mereka dapat diambil tindakan oleh kerajaan F3 H5 - Tanggungjawab sosial H6 - Memberi sumbangan /derma kepada orang miskin/tua - Setiap tindakan tidak menimbulkan kesulitan kepada masyarakat F4 H7 - Tanggungjawab alam Semula Jadi H8 - Memastikan setiap tindakan tidak menjejaskan alam sekitar - tidak membuang sampah di merata tempat / tidak menebang pokok sesuka hati F5 H9 - Bersatu padu H10 - Menyertai persatuan pengguna bagi mewujudkan kumpulan bertindak untuk menyuarakan pendapat kepada pihak berwajib - supaya wujud kekuatan / pengaruh untuk jayakan perjuangan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	6
d	i	Etika amalan perniagaan merupakan tingkah laku yang menjadi amalan peniaga supaya tindakan mereka tidak menindas hak pengguna dan orang lain. Jelaskan etika penjual kepada i) pembekal ii) pengguna		3 3
	i)	Etika penjual terhadap pelanggan H1 - sediakan barang berkualiti H2 - sentiasa berusaha tingkatkan kualiti barang H3 - tepati keperluan dan kehendak pengguna H4 - jual barang pada harga berpatutan H5 - bermaklumat yang lengkap H6 - adakan kempen promosi yang jujur H7 - sediakan khidmat lepas jualan / khidmat nasihat H8 - beri layanan sama rata	1 1 1 1 1 1 1 1	3
	ii)	Etika penjual terhadap pembekal H1 - layanan adil kepada semua pembekal H2 - patuhi segala syarat kontrak H3 - berusaha jual barang dengan segera H4 - amalkan 'sistem payung' H5 - pastikan syarat kontrak jelas	1 1 1 1 1	3

SOALAN 6:

Soalan			Fakta dan Isi jawapan		Markah	
6	a	i	Adakah kilang batik Encik Zaki diklasifikasikan sebagai Industri kecil dan Sederhana (IKS)?			Mak
			Ya		1	1
		ii	Mengapa?			
		F1	Modal sebanyak RM200,000		1	6
		H1	Iaitu kurang dari RM2.5 Juta		1	
		F2	Bilangan pekerja seramai 20 orang		1	
		H2	Iaitu kurang dari 150 orang		1	
		F3	Nilai jualan tahunan RM500,000		1	
		H3	Iaitu kurang dari RM 25 juta		1	
	b		Terangkan apakah masalah-masalah lain yang dihadapi oleh Encik Zaki yang menyebabkan jualannya merosot.			
		F1	Produktiviti dan teknologi yang rendah		1	4
		H1	Tidak mampu membeli peralatan yang canggih/ kurang pengetahuan teknik pengeluaran		1	
					1	
					1	
		F2	Masalah pengurusan		1	
		H2	Kaedah pengurusan yang rendah/ tidak mengamalkan pengkhususan		1	
					1	
		F3	Kekurangan bahan mentah			
		H3	Sukar memperolehi bahan mentah yang bermutu/ terikat dengan syarat pembekal			
			Mana-mana 2F+2H			
	c		Jelaskan jenis-jenis akaun simpanan yang boleh digunakan olehnya.			6
		F1	Akaun simpanan Wadiah		1	6
		H1	Pihak bank memegang amanah terhadap simpanan pelanggan/ bank guna simpanan untuk membuat pelaburan/ menyimpan mungkin diberi hibah/ boleh mengeluarkan wang bila-bila masa		1	
					1	
					1	
					1	
					1	
		F2	Akaun semasa Wadiah			
		H2	Pelanggan diberi buku cek/ boleh dibuka atas nama individu atau syarikat			
		F3	Akaun pelaburan Mudharabah			
		H3	Penyimpan merupakan pemodal dan bank sebagai pengusaha/ keuntungan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui/ kerugian ditanggung sendiri oleh pelabur.			
			3F + 3H= 6			

	d	i	Mengapakah Encik Zaki mengambil keputusan untuk menukarkan jenis pemilikan perniagaannya kepada perkongsian?			4
			F1	Modal lebih besar	1	4
			H1	Kerana dikumpul dari rakan kongsi	1	
			F2	Risiko dapat disebar	1	
			H2	Disebar kepada rakan kongsi/ risiko lebih kecil	1	
			F3	Berkongsi kepakaran	1	
			H3	Kongsi kepakaran dan kemahiran/ wujud pengkhususan	1	
			Mana-mana 2F+2H			
		i	Jelaskan dua jenis rakan kongsi yang wujud dalam pemilikan perniagaan perkongsian			4
			F1	Rakan kongsi aktif	1	4
			H1	Menyumbangkan modal/ mengambil bahagian dalam pengurusan	1	
			F2	Rakan kongsi nominal	1	
			H2	Meminjamkan nama/ tidak menyumbangkan modal	1	
			F3	Rakan kongsi lelap	1	
			H3	Menyumbangkan modal/ tidak mengambil bahagian dalam pengurusan	1	
			Mana-mana 2F+2H=4			

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT